


UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1989/90

Oktober/November 1989



MAT201 - Kalkulus Lanjutan

Masa: [ 3 jam ]

Jawab mana-mana LIMA (5) soalan.

1. (a) Lakarkan  $r = a(1 - \cos \theta)$  bagi  $\theta \in [0, 2\pi]$ , di mana  $a$  adalah suatu pemalar. Cari luas yang terkandung di dalam graf tertutup dan panjang lengkung.

- (b) Tentukan sama ada siri berikut menumpu atau mencapah.

$$(i) \sum_{n=1}^{\infty} \frac{n^2}{n!}$$

$$(ii) \sum_{n=2}^{\infty} \frac{1}{n(\ln n)^2}$$

$$(iii) \sum_{n=2}^{\infty} \frac{1}{\sqrt{n} \ln n}$$

$$(iv) \sum_{n=1}^{\infty} n e^{-n}.$$

- (c) Cari selang penumpuan bagi siri  $\sum_{n=1}^{\infty} \frac{2^n x^n}{n^2}$ .

- (d) Jika suatu jujukan  $a_n$  memenuhi syarat  $a_{n+1} \geq a_n$  untuk semua  $n$  dan  $a_n \leq M$  untuk suatu  $M$ , maka  $a_n$  menumpu ke suatu limit  $\ell$ .

(100/100)

2. (a) Jika  $PV - RT = 0$  dengan  $R$  sebagai suatu pemalar cari  $\left(\frac{\partial P}{\partial V}\right)_T$ ,  $\left(\frac{\partial V}{\partial T}\right)_P$  dan  $\left(\frac{\partial T}{\partial P}\right)_V$ .

Seterusnya buktikan bahawa

$$\left(\frac{\partial P}{\partial V}\right)_T \cdot \left(\frac{\partial V}{\partial T}\right)_P \cdot \left(\frac{\partial T}{\partial P}\right)_V = -1.$$

.../2

(b) Anggarkan dengan menggunakan pembeza seluruh

$$\sqrt[5]{(3.9)^2 + (2.1)^4} .$$

(c) Jika  $w = \exp(x^2 + 2y^2 + 3z^2)$ ,  $x = 2r + s$ ,  $y = r - s$ ,  $z = r^2 + s^2$  cari  $\left(\frac{\partial w}{\partial x}\right)_{y,z}$ ,  $\left(\frac{\partial w}{\partial r}\right)_s$  dan  $\left(\frac{\partial w}{\partial s}\right)_r$ .

Andaikan  $r = 1$ ,  $s = 1$ .

Jika  $\Delta r = 0.1$ ,  $\Delta s = -0.1$ , cari  $\Delta w$ .

(d) Dengan menggunakan konsep  $\varepsilon-\delta$ , buktikan

$$\lim_{n \rightarrow \infty} \frac{2n}{4+n} = 2 .$$

(100/100)

3. (a) Jika  $u^2 + y - v^2 + 6 = 0$  dan  $uv + x^2 + 1 = 0$   
cari  $\left(\frac{\partial u}{\partial x}\right)_y$ ,  $\left(\frac{\partial u}{\partial y}\right)_x$  dan  $\left(\frac{\partial y}{\partial u}\right)_v$ .

(b) Katakan dua persamaan serentak berikut

$$F(x, y, z, u, v) = 0$$

$$G(x, y, z, u, v) = 0$$

mentakrifkan  $u = u(x, y, z)$ ,  $v = v(x, y, z)$ , tuliskan rumus bagi

$$\left(\frac{\partial u}{\partial x}\right)_{y,z} \text{ dan } \left(\frac{\partial v}{\partial y}\right)_{x,z} .$$

Seterusnya cari  $\left(\frac{\partial u}{\partial x}\right)_{y,z}$  dan  $\left(\frac{\partial v}{\partial y}\right)_{x,z}$  jika

$$x + 3y + 2z - u - 2v - 9 = 0 ,$$

$$\text{dan } x^2 + 3y^2 - z^2 + e^u - e^{2v} + 1 = 0 .$$

(c) Kelaskan titik genting bagi fungsi

$$f(x, y) = x^2 + y^2 + xy^2$$

dan cari nilai ekstremum tempatan jika wujud.

.../3

(d) Adakah siri berikut menumpu?

$$\sum_{k=0}^{\infty} \frac{1}{(k+1)(k+2)} .$$

Jika menumpu, cari nilainya.

(100/100)

4. (a) Tentukan sama ada kamiran

$$\int_{-\infty}^1 xe^x dx$$

menumpu atau mencapah. Jika menumpu, cari nilainya.

Adakah  $\int_{-\infty}^1 xe^{x^2} dx$  menumpu dan apakah nilainya jika ia menumpu.

(b) Dapatkan polinomial Taylor darjah 3 bagi  $f(x) = \ln(1+x)$  berpusat pada  $x = 0$ . Seterusnya dapatkan polinomial Taylor darjah n dan berikan ralatnya.

Dapatkan siri Taylor bagi fungsi ini dan berikan selang penumpuannya dengan alasan.

Berikan siri Taylor bagi  $g(x) = \ln(1-x)$  dan  $h(x) = \ln\left(\frac{1+x}{1-x}\right)$ . Cari nilai hampiran bagi  $\ln 4$ .

(c) Fungsi  $e^x$  boleh dikembangkan dalam bentuk

$$e^x = \sum_{n=0}^{\infty} \frac{x^n}{n!}, \quad \forall x \in \mathbb{R}.$$

Andaikan  $\int_0^1 e^{-x^2} dx$  tidak boleh dinilaikan dalam bentuk

analytik. Gunakan hasil di atas dengan 6 sebutan yang pertama untuk mencari nilai hampiran bagi

$$\int_0^1 e^{-x^2} dx .$$

Carikan juga ralatnya.

.../4

Dapatkan  $\int_0^1 e^{-x^2}$  dalam bentuk siri tak terhingga, dengan memberi alasan.

- (d) Tunjukkan bahawa

$$u = \frac{x^2 y^2}{x + y} \text{ memenuhi persamaan } x \frac{\partial u}{\partial x} + y \frac{\partial u}{\partial y} = 3u .$$

(100/100)

5. (a) Cari nilai  $\iiint_D (2x - y - z) dx dy dz$  yang mana  $D = \{(x, y, z) \mid 0 \leq x \leq 1, 0 \leq y \leq x^2, 0 \leq z \leq x + y\}$ .

- (b) Lakarkan rantau kamiran dan seterusnya nilaikan kamiran berikut.

(i)  $\int_0^1 \int_{x^3}^x (2x + 3y) dy dx$

(ii)  $\int_{-1}^1 \int_{-\sqrt{1-y^2}}^{\sqrt{1-y^2}} e^{-(x^2+y^2)} dx dy$

- (c) Cari isipadu bongkah yang dibatasi oleh permukaan  $z^2 = 4 - x - y$  dan satah-satah koordinat  $x = 0, y = 0, z = 0$ .

- (d) Nilaikan had-had berikut

(i)  $\lim_{n \rightarrow \infty} \frac{\ln n}{2^n}$

(ii)  $\frac{n \ln n}{e^n}$

(100/100)

6. (a) Tentukan sama ada kamiran tak wajar berikut menumpu atau mencapah. Jika menumpu cari nilainya

(i)  $\int_0^1 x^2 \ln x dx$

(ii)  $\int_2^4 \frac{dx}{x^2 - 4}$

.../5

(b) Biarkan

$$u = f(x, y) .$$

Tunjukkan bahawa melalui

$$x = r \cos \theta, \quad y = r \sin \theta,$$

$$\text{kita dapati } \left(\frac{\partial u}{\partial x}\right)^2 + \left(\frac{\partial u}{\partial y}\right)^2 = \left(\frac{\partial u}{\partial r}\right)^2 + \left(\frac{1}{r} \frac{\partial u}{\partial \theta}\right)^2 .$$

(c) Dengan penggantian  $x + y = u$ ,  $y = uv$ , atau secara lain,  
tunjukkan bahawa

$$\int_0^1 \int_0^{1-x} e^{\frac{y}{x+y}} dy dx = \frac{e-1}{2} .$$

(100/100)

- 00000000 -